



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/4/2019	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### **Sparta tangkap dua pemburu haram**

**PUTRAJAYA** - Pasukan Taktikal Khas Perhilitan (Sparta) menahan dua penceroboh Taman Negara dalam serbuan yang dijalankan di Hulu Sungai Tersat, Hulu Terengganu semalam.

Lebih mengejutkan operasi berkenaan juga telah menemukan sejumlah besar beberapa bahagian badan haiwan liar seperti kuku, taring dan hempedu yang diambil daripada harimau, babi hutan dan beruang.

Menteri Air Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, kesemua bahagian haiwan tersebut ditemui lebih kurang 21 kilometer di dalam hutan.

"Pemburu haram berusia 25 dan 29 tahun ini merupakan warganegara Vietnam berdasarkan pasport yang ditemui.

"Selain daripada bahagian badan haiwan liar ini, beberapa peralatan yang digunakan untuk memburu turut ditemukan antaranya jerat dawai, parang, lembing, kapak dan pelarik kayu," katanya pada sidang media di



Xavier menunjukkan antara bahagian haiwan yang dirampas dengan tertangkapnya dua individu di Taman Negara Hulu Sungai Tersat, Terengganu.

Wisma Sumber Asli di sini, semalam.

Katanya, kesemua barang kes ini disita dan dibawa ke Pejabat Perhilitan untuk tindakan lanjut.

"Jabatan Perhilitan juga akan menjalankan ujian forensik DNA terhadap semua barang kes yang disita ini bagi mengesahkan spe-

sies hidupan liar yang terlibat.

"Mereka direman bagi membantu siasatan bawah Enakmen Taman Negara Terengganu No.39 dan disiasat kerana memburu dan menyimpan hidupan liar tanpa kebenaran.

"Nilai kerugian dianggarkan lebih RM500,000," katanya.